

SOALAN NO: 133

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,**

**PARLIMEN KETIGA BELAS,**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB TUAN LIM GUAN ENG

SOALAN:

Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah cadangan cuti bergaji untuk ibu bapa (*parental leave*) selama 3 hari setahun untuk menjaga anak sakit berusia 12 tahun dan ke bawah oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak diluluskan.

PR-1352-T00707

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengurus kesihatan keluarga pegawai termasuk anak yang sakit, sebagai tanda keprihatinan, Kerajaan telah memperuntukkan beberapa jenis kemudahan termasuk cuti-cutি bagi keperluan tersebut.
2. Di antara cuti bagi menjaga kebajikan pegawai Perkhidmatan Awam termasuklah dalam keadaan anak sakit adalah seperti berikut:
  - Cuti Kuarantin
  - Cuti Rehat
  - Cuti Separuh Gaji
  - Cuti Tanpa Gaji
  - Cuti Menjaga Anak
3. Sekiranya anak pegawai dijangkiti penyakit berjangkit yang disahkan oleh doktor dan perlu di kuarantin, pegawai boleh menggunakan kemudahan Cuti Kuarantin sehingga maksimum lima (5) hari.
4. Di samping itu, pegawai juga boleh memohon kemudahan Cuti Rehat tahunan yang diperuntukkan mengikut gred pegawai sebanyak 20 atau 25 setahun.
5. Selain itu, sekiranya pegawai memerlukan tempoh yang lebih panjang untuk menjaga anak yang sakit, pegawai boleh menggunakan kemudahan Cuti Separuh Gaji sehingga maksima 180

hari dan Cuti Tanpa Gaji sehingga maksima 360 hari, mengikut kelayakan.

6. Bagi pegawai wanita yang mempunyai anak yang sakit berumur kurang dari 5 tahun, pegawai boleh menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak sehingga maksimum 365 hari

7. Kemudahan yang diperuntukkan seperti tersebut di atas adalah memadai bagi menjaga kebajikan penjawat awam dan keluarga untuk membantu pegawai mengimbangi urusan peribadi dan tanggungjawab pegawai dalam melaksanakan tugas hakiki.

Tuan Yang Di Pertua,

8. Pada masa ini, Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia belum mempunyai polisi atau peruntukan undang-undang yang memberi kelayakan *parental leave* atau *paternity leave* kepada pekerja lelaki atau ibu bapa dalam menjaga anak-anak di bawah 12 tahun. Perkara ini adalah tertakluk kepada budi bicara majikan dengan mengambil kira keperluan di organisasi masing-masing. Cadangan memperuntukkan *parental leave* atau *paternity leave* di bawah undang-undang buruh perlu mengambil kira pandangan dan maklum balas secara komprehensif daripada *stakeholders* di sektor swasta.

RT09/134

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : TUAN MOHAMED HANIPA  
BIN MAIDIN [SEPANG]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

Tuan Mohamed Hanipa Bin Maidin [Sepang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah pembinaan sekolah menengah di Taman Kota Warisan akan mula dibina.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) maklum tentang keperluan sekolah menengah di Taman Kota Warisan bagi menyediakan kemudahan pendidikan yang mencukupi dan lengkap kepada masyarakat setempat. Oleh yang demikian, KPM telah merancang pembinaan sebuah sekolah menengah baharu di Taman Kota Warisan dalam RMKe-11, walau bagaimanapun pelaksanaannya tertakluk kepada kelulusan agensi pusat dan kemampuan kewangan negara.

RT09/134